

Detik 30 Ogos 1957 'hidup semula'

B.H 10/7/07 M/S 9

Sambutan kemerdekaan ke-50 lebih simbolik dengan enam program utama



Malaysiaku Gemilang

Oleh Saufi Hamzah


PERAYAAN ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara pada 31 Ogos ini, dijangka disambut dalam suasana berlainan kerana penganjur dikatakan mahu membawa nostalgia kenangan silam sekitar 1957. Sejauh mana nostalgia itu dapat dikembalikan, bergantung kepada kebijaksanaan serta kreativiti pihak penganjur.

Mungkin Jawatankuasa Sambutan Hari Kemerdekaan ke-50 tahun boleh menggunakan kostum dan pakaian dipakai mereka yang terbabit mengendalikan majlis sama ada ketika upacara menurunkan bendera Union Jack di Padang Kelab Selangor (kini Dataran Merdeka) pada malam 30 Ogos 1957 atau pengisytiharan kemerdekaan di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos.

Malah, tidak keterlaluan seandainya kenderaan vintaj boleh digunakan untuk membawa pemimpin tertinggi negara seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada majlis memperingati detik 12 tengah malam yang bakal diadakan di Dataran Merdeka pada 30 Ogos nanti.

Penggunaan peralatan bunyi dan lampu turut memainkan peranan bagi memberi impak terbaik seolah-olah detik malam 30 Ogos 1957 'hidup semula'.

Tidak ketinggalan mungkin jawatankuasa penganjur boleh mendapatkan khidmat pelakon handalan negara untuk memainkan watak mereka yang berada di Padang Kelab Selangor ketika itu, sekali gus menarik kehadiran rakyat.



“Pembaharuan pada 30 Ogos 2007 ini, kerajaan tidak membenarkan program lain khususnya yang berbentuk hiburan di Kuala Lumpur berjalan pada masa sama malam itu”

Dr Rais Yatim

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

memberi penghormatan kepada Perdana Menteri dan kerajaan supaya program di Dataran Merdeka jadi pemusatan perhatian.

“Pembaharuan kali ini kita menggunakan pencernaan cahaya, termasuk hologram yakni pemancaran imej dan data pada bangunan dan ini dikira satu pembaharuan serta penjelmaan keceriaan yang lebih,” katanya.

Rais berkata, perbarisan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos kali ini agak berlainan kerana penganjur mahu aspek zaman lebih daripada penyertaan Kementerian berbanding sebelum ini iaitu semua Kementerian menjadi wadah utama atau peranan berarak saja.

“Kali ini sementara ada Kementerian tertentu, kita lebih menjurus kepada zaman seperti zaman Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Pak Lah.

“Kita akan mengatur segmen lebih luas kepada zaman terkini, tetapi zaman Perdana Menteri terdahulu jelas nampak dilihat. Oleh itu, tak timbul soal Kementerian ini buat kereta berhias ini dan jabatan itu

sejarah dengan mengambil kira parti politik yang memainkan peranan membina negara bangsa yang perlu ditonjolkan di Stadium Negara sambil diiringi lagu, muzik dan di samping itu jalinan tema kebanggaan 50 tahun kemerdekaan.

Beliau berkata, buat kali pertama juga pembesar luar negara dijangka paling ramai datang, termasuk 16 negara yang membuat hubungan diplomatik dengan Malaysia selain wakil negara Komanwel juga akan tampil di Kuala Lumpur.

“Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin akan memberi layanan jamuan teh diraja kepada jemputan asing dan pelbagai program sedang diurus kedutaan masing-masing khususnya Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia. Britain memainkan peranan penting dalam kemerdekaan, jadi mahu tidak mahu tentu sekali mereka mempunyai bidang lebih luas dan banyak pengisian.

“Juga sebagai aneh dan ganjil, kali ini kita merayakan merdeka sepanjang tahun bukan sebulan. Di Kuching pada 10 September ini akan bermula penajaan program sepanjang tahun, tetapi program itu juga bakal disebarkan menerusi negeri, jabatan

ping peranan Sabah dan Sarawak yang lebih lantaran mereka menyertai Malaysia pada 1963.

“Jadi spesifiknya Sabah dan Sarawak tidak merdeka pada 1957. Jadi ada orang kata kenapa disibukkan sangat pasal mereka berdua, kita tak boleh berfikir sempit kerana merdeka bagi negara adalah merdeka pada semua negeri, tinggal lagi tarikhnya kemudian, ini boleh disesuaikan dengan perayaan setahun,” katanya.

Beliau berkata, kementerianya juga akan mengeluarkan buku paling bernilai dan banyak bilangannya musim ini memabitkan kira-kira 15 penerbitan menerusi buku berkualiti, tetapi semua buku itu menjurus kepada sejarah, pencapaian dan juga kepada visi serta falsafah pemimpin, tetapi menarik kerana kebanyakannya memabitkan gambar.

Sambutan Hari Kemerdekaan 50 tahun memang signifikan dan beliau bertuah kerana diberi kepercayaan apabila dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa sambutan. “Walaupun ini mencabar, saya yakin dengan keazaman masyarakat dalam jawatankuasa perayaan, kita tidak akan mengecewakan rakyat dari segi sajian, kualiti, persembahan serta kandungan program.

“Kerajaan negeri juga kita bawakan, saya akan beri nota pada mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri mengenai perediaan yang kita laksanakan,” katanya.

Sememangnya kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 tidak dapat dipisahkan dengan perjuangan Umno untuk membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah. Sesungguhnya, pengorbanan pejuang bangsa dalam menuntut kemerdekaan amat besar dan tidak ternilai apatah lagi kemerdekaan dikecapi hari ini diperoleh melalui perundingan tanpa setitik pun pertumpahan darah.

Sememangnya juga ketegasan, kesungguhan dan keazaman Tunku Abdul Rahman memerdekakan negara tidak dapat disangkal atau dihalang sesiapa pun. Bersama-sama Umno, Tunku memimpin bangsa Me-

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, bagaimanapun berkata, pihaknya sedang merancang sesuatu kelainan untuk program di Dataran Merdeka dengan mengetengahkan suasana menjelang Hari Kemerdekaan dan ia satu daripada enam program tonggak dirancang sempena sambutan 50 tahun Hari Kebangsaan.

“Cuma program kali ini lebih hebat kerana membabitkan ramai orang dan lebih simbolik. Peranan parti politik lebih diutamakan daripada yang lain. Dulu banyak peranan pentadbiran, tetapi kali ini kita menonjolkan peranan parti Umno, MCA dan MIC dari sudut sejarah sebenar. Rentetan sejarah ini akan jelas dilihat pada malam 30 Ogos itu nanti.

“Namun, pembaharuan pada 30 Ogos 2007 ini, kerajaan tidak membenarkan program lain khususnya berbentuk hiburan di Kuala Lumpur berjalan pada masa sama malam itu,” katanya.

Pada tahun sebelum ini, kata Dr Rais, pelbagai program sampingan dianjurkan swasta yang menyukarkan pihak pengendali di Dataran Merdeka, tetapi tahun ini awal-awal lagi sudah dinyatakan untuk

buat kereta berhias itu... kali ini menjurus kepada pencapaian zaman,” katanya.

Beliau berkata, sambutan Hari Kemerdekaan kali ini aneh kerana mengadakan rapat raksasa atau program raksasa merdeka di Stadium Negara yang tidak pernah dibuat.

“Kali ini kita akan padatkan stadium itu dengan satu acara kenang-kenangan yang amat bererti kepada negara dan di situ akan mengamatkan malam 30 Ogos dengan pencernaan program.

“Peranan hologram di stadium akan lebih daripada biasa dengan tema menggerakkan semula perasaan cinta kepada negara dan apa dianggap sebagai pementasan atau persembahan membabitkan ribuan orang dilaksanakan. Di situ, kita akan lihat bagaimana manusia disimfonikan dan digerak kerjakan supaya tindakannya dan gerak gayanya menerusi perasaan patriotik akan jelas sekali,” katanya.

Rais yang juga Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Hari Kemerdekaan berkata, peranan parti politik juga diambil kira, tetapi mungkin parti politik lain iri hati.

Bagaimanapun katanya, penganjur sebenarnya mahu menyorot kepada bingkisan

di daerah, menerusi pertubuhan bukan kerajaan atau badan bukan kerajaan, di sam-

layu yang kemudian bekerjasama dengan bangsa lain untuk mengusir penjajah.



SIMPAN SEJARAH: Stadium Merdeka menyimpan sejarah sebagai tempat berkumpul penduduk ketika kemerdekaan negara yang pertama.